

Komitmed capai sasaran 30 peratus

» Hasrat lihat wanita di peringkat keputusan terlaksana, perlu disertakan langkah proaktif patuhi dasar kerjajaan dalam Bajet 2016

Bajet 2016 yang dibentangkan Jumaat lalu, memperlihatkan kerjajaan terurus komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pembahagian wanita di peringkat pembuatan keputusan dan peringkat apabila hal ini sekali lagi dibentangkan penekanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika membentangkannya berkata, bagi memastikan sasaran itu terlaksana hingga ke peringkat Lembaga Pengarah, kerjajaan akan sentiasa memantau pencapaian dasar yang ditetapkannya.

Perwakilan Kursi Kepimpinan Wanita di Pusat Kepimpinan Wanita Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Dr Ralfiah Salim berkata, kesungguhan kerjajaan itu

perlu disertakan dengan langkah proaktif dan serius untuk memastikan semua pihak mematuhi penetapan dasar berkenaan.

"Hasrat saya tidak mencukupi, sebaliknya ia mesti seiring dengan pelaksanaan supaya semua pihak menghayati dan mematuhi syarat yang ditetapkan kerjajaan.

"Misalnya, kerjajaan menjadikan penyertaan 30 peratus wanita di peringkat pembuatan keputusan ini sebagai syarat kepada syarikat besar untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia," katanya kepada FAMILLI ketika diminta mengulas mengenai usaha kerjajaan berkenaan.

Syarikat dapat manfaat
Ketua Pegawai Eksekutif Talent-Corp, Johan Mahmood Merican,



Wanita Malaysia patut diberi peluang
meningkatkan kerjaya kerana layak dan berprestasi tinggi.



pula berkata, usaha dan sasaran kerjajaan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai pembuatan keputusan, termasuk di peringkat Lembaga Pengarah, harus dipuji.

"Wanita bukan saja patut diberi peluang itu, tetapi sememangnya layak kerana berkebolehan dan berprestasi tinggi. Banyak kaji selidik di Amerika Syarikat sudah membuktikan, syarikat yang mempunyai kepelbagaian gender di peringkat kepimpinan lebih berprestasi, ber-

banding syarikat yang tiada wanita berkebolehan untuk membuat keputusan.

"Jadi, wajar mereka ini diberi peluang kerana syarikat akan dapat manfaatnya. Sektor kerjajaan sudah mencapai sasaran 30 peratus dipelbagai peringkat, termasuk Jusa C. Jadi, tiba masanya syarikat swasta membuka peluang sama atas kapasiti kelayakan wanita itu sendiri," katanya.

Johan berkata, tinjauan kajian kepelbagaian dalam bidang kerja pada tahun ini yang dilakukan Talent Corp bersama PricewaterhouseCoopers (PwC) pada bulan lalu, menunjukkan 13 peratus wanita sudah berada dalam jawa-

tan Lembaga Pengarah, manakala 22 peratus berada dalam pengurusan tertinggi.

Usaha perkasa wanita

Sementara itu, Pegawai Psikologi Kanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata pembahagian wanita sebagai pembuatan keputusan amat penting dalam usaha memperkasakan wanita.

"Pembangunan dan penguat payaan wanita dengan menerima pandangan serta sudut fikir wanita perlu diktiiraf. Ia sekali gus mencekapi kesamaan gender dan juga dilihat membawa kepada arus perdana perspektif gender dalam pengubah-



Siti Fatimah Abdul Ghani



Noor Aziah Awal

lan dasar serta perundangan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian program atau pembangunan.

"Kekangan paling asas dalam menjawab jawatan tertinggi adalah diskriminasi gender. Kedua, mobilitasi pekerjaan. Selain itu, isu budaya konteks kepercayaan terhadap wanita untuk didengar tanpa prejudis harus diberi perhatian," katanya.

Siti Fatimah berkata, stigma masyarakat masih tegar dan sukar diubah terhadap kepercayaan wanita. Stigma ini hanya membunuh potensi dan sumber manusia yang berprestasi tinggi.

Sistem sokongan kuat
Profesor Undang-undang Keluarga,

Wanita dan Kanak-kanak UKM, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal, berpendapat sasaran 30 peratus itu mampu dicapai dengan mudah jika wanita memiliki sistem sokongan yang kuat dan padu.

"Jika dilihat sejak 10 tahun lalu, kehadiran wanita di peringkat universiti sudah jauh mengatasi lelaki. Jadi, mustahil sasaran ini tidak boleh dicapai dengan adanya sistem sokongan yang kukuh.

"Malangnya, pencapaian wanita di peringkat pembuatan keputusan khususnya di sektor swasta, masih ketinggalan memandangkan sistem sokongan yang masih lemah untuk membolehkan golongan ini menonjol di peringkat lebih tinggi," katanya.



Johan Mahmood Merican